

10 AUG 2003

Mahathir-Lawatan/I

PERMULAAN ERA BARU HUBUNGAN MALAYSIA-ALGERIA

Oleh: Mokhtar Hussain

ALGIERS, 10 Ogos (Bernama) -- Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Algeria bermula Ahad, dijangka mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan negara utara Afrika ini.

"Lawatan ini adalah untuk merintis jalan bagi kerjasama yang lebih erat," kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan Perdana Menteri selama tiga hari itu.

Katanya rundingan akan bertumpu kepada merangka pendekatan yang sesuai bagi Malaysia menyertai pembangunan di Algeria seperti dalam bidang pembinaan lebuhraya, perumahan serta membangunkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi.

"Atas permintaan Algeria, kita telah mengemukakan satu pelan cadangan hasil kajian Unit Perancangan Ekonomi untuk diteliti dan merangka pelan tindakan seterusnya," katanya.

Kajian itu merangkumi bidang pertanian, telekomunikasi, perlombongan dan pelancongan.

Perbincangan empat mata antara Dr Mahathir dan Presiden Abdelaziz Bouteflika dijangka menyentuh perkembangan rundingan damai Asia Barat, keadaan di Iraq, ancaman keganasan antarabangsa dan perpaduan di kalangan negara Islam.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan jemputan peribadi kepada pemimpin Algeria itu untuk menghadiri Sidang Kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada Oktober ini.

Rombongan Perdana Menteri seramai 127 orang mengandungi Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Menteri Besar Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan selain 50 ahli perniagaan.

Tiga perjanjian dijangka ditandatangani, masing-masingnya melibatkan perdagangan, teknologi maklumat dan pertukaran berita.

"Bagi kerjasama dalam bidang ICT, sekurang-kurang 15 pegawai dari Algeria akan dilatih di Malaysia," kata Syed Hamid.

Antara atur cara Dr Mahathir ialah berucap pada dialog perniagaan Malaysia-Algeria, melawat bandar siber di Sidi Abdellah serta meninjau satu kawasan yang dilanda gempa bumi pada Mei lepas yang menyebabkan 250 orang terbunuh.

Syed Hamid berkata Algeria yang baru sahaja reda daripada perang saudara yang berlarutan selepas mencapai kemerdekaan pada 1962 daripada Perancis, memerlukan banyak modal untuk pembangunannya.

Jumlah dagangan antara kedua-dua negara ialah RM95.3 juta, dengan Algeria membeli barangan Malaysia berjumlah RM91.3 juta.

Pada masa ini, Petronas adalah satu-satunya syarikat dari Malaysia beroperasi di Algeria selepas ia menandatangani kontrak perkongsian pengeluaran gas dengan rakannya dari Algeria, Sonatrach.

Algeria merupakan pembekal terbesar gas ke Eropah.

Syed Hamid berkata Proton juga sedang meninjau kemungkinan meneroka pasaran Algeria yang kini dikuasai kenderaan buatan Perancis.

-- BERNAMA

MOK RV MAI